

Presiden ASM dan penerima Anugerah Merdeka raih Tokoh Akademik Negara

Oleh AMREE AHMAD
25 Mac 2022, 3:42 pm



ISMAIL Sabri Yaakob bergambar bersama para penerima anugerah pada Majlis Anugerah Akademik Negara Ke-14 di Hotel Sama-Sama, KLIA, Sepang, Selangor. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

SEPANG: Dua tokoh wanita yang amat terkenal dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) telah dinobatkan sebagai penerima Tokoh Akademik Negara Ke-14.

Antaranya ialah Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Prof. Emerita Datuk Dr. Asma Ismail yang juga ialah bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) dari 2016 hingga 2019.

Beliau yang sebelum itu pernah dilantik menjadi Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2012-2014 juga merupakan Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 2019.

Uniknya, beliau juga merupakan wanita pertama memegang jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan Pengerusi Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dari 2019 sehingga 2021.

Asma, 63, ketika ini turut menganggotai Majlis Tindakan Kemakmuran Bersama dan Majlis Sains Negara selain menjadi ahli dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Islam (2015-2018).

Bahkan beliau pernah meraih Saintis Muda Negara (1991), Wanita Cemerlang Avon (1996), Pereka Cipta Negara serta Sains dan Teknologi (2002) dan Anugerah Inovasi Negara (2006).

Hadiah berupa trofi, sijil dan wang tunai RM50,000 disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada majlis khas Anugerah Akademik Negara Ke-14 di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Norani Ahmad. Acara diperkenalkan sejak 2006 itu menyaksikan 86 penerima dinobatkan dalam tujuh kategori yang diwujudkan.

Selain itu, turut diiktiraf Tokoh Akademik Negara Ke-14 ialah Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Yusoff dari Universiti Putra Malaysia yang terkenal dalam memajukan banyak vaksin kanser.

Bekas Timbalan Naib Canselor di institusi itu yang bertanggungjawab menubuhkan fakulti bioteknologi pertama di Malaysia pada 2004, ialah penerima elit Anugerah Merdeka pada 2015.

Setahun sebelum itu, beliau diakui sebagai antara 20 wanita Muslim paling berpengaruh di Dunia Islam dalam bidang STEM oleh portal ilmiah terkenal antarabangsa, Muslim-Science.com.

Khatijah, 65, kini ialah felo kanan dan ahli Majlis ASM, Naib Presiden Akademik Sains Dunia Islam berpusat di Jordan serta Naib Presiden Akademi Sains Dunia yang berpangkalan di Itali.

Beliau juga ialah anggota Majlis Penasihat Saintifik Pusat Antarabangsa Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi di bawah Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pemenang Pingat Albert Einstein UNESCO itu pernah meraih Anugerah Sainis Muda Kebangsaan (1990) dan Anugerah Wanita Pencapaian Penyelidikan Sepanjang Hayat Malaysia (2019).-UTUSAN